

Ramai Calon Bebas Bertanding Petanda Baik Untuk BN, Kata Abdullah Bernama
20 April, 2013

KEPALA BATAS, 20 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan kemunculan ramai calon bebas sama ada di kerusi Dewan Undangan Negeri atau Parlimen di negeri ini sebagai petanda Barisan Nasional (BN) mempunyai peluang baik untuk mencapai kemenangan besar pada pilihan raya umum ke-13 ini.

Beliau berkata kehadiran ramai calon membolehkan berlakunya pecahan undi di kawasan-kawasan kubu kuat pakatan pembangkang dan rakyat juga mempunyai banyak pilihan untuk memilih wakil rakyat yang terbaik.

"Kesannya (kemunculan calon bebas) boleh menjadikan keadaan kita (BN) lebih baik. Kita harap mereka bekerja bersungguh-sungguh dan dapat beri keyakinan bahawa kita bersedia berkhidmat kepada rakyat kerana itulah kewajipan kita," katanya ketika ditemui pemberita di Pusat Penamaan Calon Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas di sini Sabtu.

Beliau yang juga Ketua Umno Bahagian Kepala Batas berkata pihaknya akan berjuang habis-habisan dan akan memberi sokongan penuh kepada keempat wakil UMNO yang bertanding di kawasan itu.

"Insya Allah kita akan capai kemenangan kerana persediaan rapi telah dibuat dan saya minta rakyat menilai secara bijak kerana semua calon kita adalah anak jati Kepala Batas bukan orang luar yang tidak pernah dilihat," kata Abdullah, penyandang kerusi Parlimen Kepala Batas selama tujuh penggal sejak 1978.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943722>